



## “PERANAN KELUARGA DAN MASYARAKAT DALAM MENANGANI GEJALA SOSIAL”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ  
وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ  
غِلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا  
يُؤْمَرُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ



اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT sebenar-benar taqwa dengan kembali mengikuti ajaran Islam yang syumul iaitu dengan beramal soleh, menyuruh manusia berbuat kebaikan dan mencegah mereka daripada melakukan kemungkaran, berjihad membela dan mengagungkan Islam dan melaksanakan seribu kebaikan. Mudah-mudahan segala amal bakti kita akan diredhai oleh Allah dan membawa kebaikan untuk kita di dunia dan akhirat.

Khutbah pada hari ini bertajuk **"PERANAN KELUARGA DAN MASYARAKAT DALAM MENANGANI GEJALA SOSIAL"**.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Peranan keluarga dan masyarakat dalam membentuk dan mengajak kembali generasi umat manusia yang tergelincir dari landasan iman dan taqwa adalah sangat penting. Telah menjadi tanggungjawab kita bersama menangani kemelut gejala sosial yang berlaku ini dengan berani dan bijaksana agar golongan sasaran dakwah kita menolak seruan yang disampaikan kepada mereka.

Firman Allah SWT dalam surah An-Nahl ayat 125:



ص  
أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ  
وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ  
ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

*"Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk".*

Setiap anggota masyarakat mestilah berperanan membimbing mereka yang terjebak dengan maksiat atau gejala sosial kembali kepada Islam dengan pendekatan dakwah yang bijak. Hanya menggunakan pendekatan yang matang, sesuai dan hikmah kita mampu membimbing golongan ini kembali kepada Islam.

Mungkin suatu masa dahulu pendekatan seperti ceramah, nadwah dan khemah ibadah sesuai digunakan bagi menarik minat muda-mudi tetapi pada hari ini umat Islam harus memaksimumkan penggunaan medium dakwah menyeluruh melibatkan wasilah riadhah, hiburan, teknologi canggih seperti penggunaan IT yang meliputi penggunaan laman sosial, blog, e-mail atau melalui laman sesawang yang baik.



Ibubapa hendaklah terbuka memainkan peranan mereka menarik minat anak-anak dengan cara atau jalan yang paling baik. Pendekatan tegas, garang dan disiplin yang kuat diikuti dengan kasih sayang, lunak dan mesra adalah sangat sesuai dalam mentarbiyyah anak-anak. Kita tidak ingin melihat anak-anak menjadi semakin jauh daripada kita akibat belaian kasih sayang dan mesra tidak dikecapi malah hanya pendekatan garang, disiplin tegas dan rotan singgah di tubuh mereka semata-mata.

Justeru itulah ibubapa hendaklah terdedah dengan ilmu-ilmu motivasi dan pentarbiyyahan terkini sesuai dengan peredaran zaman. Pendekatan antara tegas dan lunak, disiplin dan mesra hendaklah diguna pakai dalam mendidik anak-anak. Ada masa dan ketika kita menjadikan mereka teman dan ada masa kita tegas dengan mereka. Kasih sayang dan kemesraan hendaklah dipupuk dan program-program pembinaan ukhwah dan jalinan kekeluargaan hendaklah sentiasa dibentuk seperti lawatan, perkhemahan, hari keluarga, riadhah santai bersama keluarga dan sebagainya.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Apa yang paling penting peranan keluarga dalam menangani gejala sosial yang berlaku ialah bagaimana asas agama kepada anak-anak itu dapat diserapkan. Tanggungjawab kita sekurang-kurangnya asas fardhu ain dapat disematkan dalam diri setiap anak yang mudah-mudahan ianya akan menjadi obor kehidupan melaksanakan kewajipan di hadapan Allah S.W.T.

Ibubapa hendaklah menjadi contoh utama dalam amalan dan menunaikan kewajipan agama seperti solat dan puasa didirikannya secara berjemaah dan iftor jama'ie (berbuka bersama keluarga atau di masjid) dapat dilakukan, menunjuki batas-batas pergaulan dalam Islam, batas-batas



menutup aurat, galakkan menghadiri kelas-kelas agama dan mengkhabarkan kepada anak-anak kesan-kesan manusia meninggalkan Islam akan membawa akibat kecelakaan dan kebinasaan sebagai satu keinsafan kepada mereka.

Disamping itu peranan masjid, NGO, Jabatan-jabatan Kerajaan, Swasta, JKKK dan orang perseorangan dalam membendung gejala sosial hendaklah diperkasakan dengan menyumbang apa-apa yang perlu samada berupa material seperti kewangan, infrastruktur, dewan, tempat rekreasi atau peralatan mengendalikan program-program kesedaran atau khidmat nasihat berupa ceramah motivasi, kaunseling, penyediaan kursus-kursus keinsafan, bimbingan kerjaya atau panduan berumahtangga demi menyelamatkan generasi muda dari terus menerus menjadi mangsa keadaan keruntuhan akhlak dan akidah.

Kita amat yakin sekiranya langkah-langkah ini dilakukan oleh keluarga dan masyarakat kita hari ini yang peka dengan perkembangan yang berlaku di kalangan muda-mudi dan remaja, lambat laun ianya akan mampu membendung berleluasanya gejala sosial yang beerlaku.

Firman Allah SWT dalam surah Toha ayat 132:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا  
نَحْنُ نَرْزُقُكَ وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَى

*"Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar mengerjakannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kami lah yang memberi rezeki*



kepadamu. Dan ingatlah kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa”.

Fathi Yakan telah menulis di dalam kitabnya “Apa Ertinya Saya Menganut Islam” bahawa bagaimana hendak kembali kepada Islam dan sekaligus membendung penularan gejala-gejala sosial melibatkan keruntuhan akidah, syariat dan akhlak ialah mesti membudayakan masyarakat Islam dengan beberapa langkah:

Pertama : Menyedarkan kepada masyarakat bahawa matlamat hidup insan ialah sebagai khalifah dan sebagai hamba.

Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي  
الْأَرْضِ خَلِيفَةً<sup>ص</sup>


“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”.

Sebagai khalifah dan hamba umat Islam wajib menegakkan agama Allah dan mentadbir alam ini hanya berdasarkan agama Allah SWT serta tunduk dan taat mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT semata-mata.

Firman Allah dalam surah Az-Zariyat ayat 56:



وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ



"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepadaKu".

Kedua : Manusia haruslah memahami bahawa nilai dunia adalah terlalu sedikit dan sifatnya sementara berbanding akhirat. Hadis Nabi s.a.w riwayat At-Tarmizi, Ibn Majah dan Al-Hakim:

وَرَأَى رَسُولُ اللَّهِ (ص) يَوْمًا شَاةً  
مَيْتَةً قَدْ رَمَاهَا أَصْحَابُهَا فَلْتَفَتَ إِلَى  
أَصْحَابِهِ قَائِلًا: أَرَأَيْتُمْ كَيْفَ هَانَتْ  
هَذِهِ عَلَى أَهْلِهَا؟ وَاللَّهِ لِلدُّنْيَا أَهْوَنُ  
عَلَى اللَّهِ مِنْ هَذِهِ عَلَى أَهْلِهَا، وَلَوْ  
كَانَتْ الدُّنْيَا تُسَاوِي عِنْدَ اللَّهِ جَنَاحَ



بَعُوضَةٍ مَّا سَقَى مِنْهَا كَافِرًا شُرْبَةَ  
مَاءٍ.

"Pada suatu hari Rasulullah s.a.w melihat kepada bangkai anak kambing yang dibuang oleh tuannya lalu baginda berpaling kepada para sahabatnya dan bersabda:"Adakah kamu melihat betapa hinanya bangkai kambing itu di sisi tuannya, demi Allah dunia ini lebih hina di sisi Allah melebihi kehinaan kambing tersebut di sisi tuannya. Kalaulah nilai dunia ini menyamai nilai sebelah sayap seekor nyamuk nescaya Allah tidak akan memberi seteguk airpun untuk minuman orang kafir".

Ketiga : Manusia haruslah sedar bahawa kematian akan pasti datang menemui kita. Justeru itu carilah bekalan menuju alam akhirat.

Firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 185:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ  
أَجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحِرَ  
عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا  
الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ





*"Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya, dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya".*

Keempat : Umat Islam mesti mengetahui bahawa hakikat Islam itu mempelajari selok-belok agama agar hilang kejahilan umat dan kebaikan akan terserlah akhirnya.

Sabda Rasulullah s.a.w. riwayat Al-Askari daripada Anas bin Malik:

أَنَّما الْعِلْمُ بِالتَّعَلُّمِ وَالْفِيقَهُ بِالتَّفَقُّهِ وَمَنْ  
يُرِدِ اللهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهُهُ فِي الدِّينِ.

*"Sesungguhnya ilmu itu didapati dengan belajar dan kefahaman itu didapati dengan mendalami ilmu, barangsiapa yang dikehendaki oleh Allah akan kebaikan, nescaya Allah akan memberikannya kefahaman dalam agama".*

Kelima : Umat Islam mestilah mengenali siapakah jahiliyyah atau musuh Islam. Semua perkara yang menyimpang daripada agama adalah jahiliyyah. Kita hendaklah berwaspada



bahawa musuh-musuh ini akan sentiasa merebahkan kita termasuk budaya, pemikiran dan idealisme asing yang sentiasa menyesatkan umat Islam.

Tegasnya untuk menyelesaikan sebahagian masalah gejala sosial ini kita mencadangkan:

1. Sesebuah keluarga mestilah menggalakkan mereka yang bujang untuk berumahtangga kerana Rasulullah menegaskan dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Baihaqi dan Al-Hakim:

مَنْ تَزَوَّجَ فَقَدْ اسْتَكْمَلَ نِصْفَ دِينِهِ فَلْيَتَّقِ  
اللَّهَ فِي النِّصْفِ الْبَاقِي.

*"Sesiapa yang berkahwin sesungguhnya ia telah menyempurnakan separuh dari agamanya maka bertaqwalah ia pada separuh yang lain".*

2. Pembinaan sesebuah keluarga hanya berjaya dengan tarbiyyah, asuhan dan didikan menurut nilai-nilai Islam. Bukan hanya dididik dengan berjaya dalam pelajaran semata tetapi agama jauh daripada diri mereka maka akan hancurlah generasi kita sekiranya hanya faham kebendaan ditanamkan kepada mereka.
3. Sesebuah keluarga amat wajar memantau dan mengambil tahu pergaulan dan pergerakan anak-anak mereka agar tidak terjebak dengan perkara-perkara negatif.



4. Sesebuah keluarga, ahli masyarakat dan pemerintah perlulah memainkan peranan penting dalam usaha membentuk dan mencorakkan generasi kini menjadi generasi soleh dan solehah dengan penyediaan alternatif aktiviti dan program membina generasi taqwa dan menjadi modal insan yang hakiki untuk hari ini dan akan datang sebagaimana usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor ke arah pembinaan modal insan yang baik dengan pelaksanaan program SPIES semua peringkat.

Ayuhlah kita sebagai umat yang dianugerahkan akal yang waras dan diberikan kesedaran Islam yang tinggi, bertindaklah segera kembalikan umat Islam ke jalan yang lurus dan jalan taqwa agar kehidupan kita akan memperolehi ketenangan di dunia dan di akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ  
ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلْتَنَّهُمْ مِّنْ عَمَلِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ كُلُّ امْرِئٍ  
بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ ﴿٢١﴾

*"Dan orang-orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya Dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu Dengan mereka (di Dalam Syurga); dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya". (At-Tur : 21)*



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: 'إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ



لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ  
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .  
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِيَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكَوْ أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ



الحاج في أمن وصلاح وعافية بمنك وكرمك يا  
ذاالجلال والإكرام. اللهم أطل عمرهما مصلحين  
للموظفين والرعية والبلاد، وبلغ مقاصدهما  
لطريق الهدى والرشاد.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatalah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah



golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يُعْظِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.